

# **Kajian Keprihatinan Ahli Akademik Terhadap Tatacara Berpakaian, Sahsia dan Rupa Diri Pelajar Universiti Malaysia Pahang**

*(Academicians' Conscientious Study Towards Student Dress Regulation, Self-Appearance  
and Personality from Students' Perspectives in University Malaysia Pahang)*

\*<sup>1</sup>Mohamad Hilmi Mat Said, <sup>2</sup>Hasan Ahmad, <sup>3</sup>Mansor Sulaiman, & <sup>4</sup>Rashidi Abbas

<sup>1,2,3,4</sup>Pusat Bahasa Moden dan Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang, Malaysia.  
E-mel: [hilmi@ump.edu.my](mailto:hilmi@ump.edu.my), [hasanahmad@ump.edu.my](mailto:hasanahmad@ump.edu.my), [mansor@ump.edu.my](mailto:mansor@ump.edu.my), [rashidi@ump.edu.my](mailto:rashidi@ump.edu.my)

## **ABSTRAK**

Tamadun adalah perkataan Arab “*Maddana*” yang bermaksud adab, akhlaq, moral dan mempunyai agama yang baik. Manakala hidup bertamadun bermaksud kehidupan yang penuh dengan adab sopan, moral dan berakhlak. Dalam konteks dunia pendidikan hari ini isu tatacara berpakaian, rupa diri, sahsiah dan akhlak pelajar pernah dibincangkan dan diketengahkan di peringkat institusi pengajian tinggi amnya, namun masih tidak menampakkan hasil positif. Kelihatan seolah-olah tiada keseriusan daripada pelbagai pihak untuk mengendalikan dan menjayakan isu ini sebaik mungkin sehingga ke akar umbinya dan secara tidak langsung untuk berusaha menyelesaikannya. Justeru, satu kajian berfokus telah dijalankan terhadap pelajar di Universiti Malaysia Pahang dari pelbagai fakulti. Kajian ini bertujuan meninjau sejauh mana komitmen pensyarah selaku aset penting yang berintegriti tinggi, bernilai dan berakhlak mulia dalam menjalankan amanah mereka mendidik anak bangsa khususnya dalam membangunkan akhlak dan sahsiah diri terpuji dalam kalangan mahasiswa. Kajian ini dilakukan secara tinjauan melalui aplikasi internet iaitu *SurveyMonkey* kepada lebih dari 100 orang pelajar. Melalui kajian ini terdapat enam perkara yang diperhatikan dan dikaji secara terperinci. Kajian ini berkisar komitmen pelajar dan pensyarah di kampus antaranya ialah komitmen pelajar terhadap pemakaian kad pelajar universiti (kad matrik), komitmen pensyarah memperuntukkan masa dalam kelas bagi menyatakan kepentingan tatacara berpakaian dan rupa diri di kampus, komitmen mengambil tindakan terhadap pelajar yang gagal mematuhi peraturan tatacara berpakaian dan rupa diri, komitmen mengambil tindakan terhadap pelajar yang lewat atau gagal hadir dalam kelas, dan amanah dalam mengisi ruang di slip kehadiran rakan sekuliah dalam kelas. Hasil kajian mendapati bahawa komitmen di kalangan pelajar dan pensyarah kurang memberangsangkan. Perkara ini harus dipandang serius dan sangat membimbangkan kerana penekanan terhadap isu-isu tersebut sangat penting dalam melahirkan pelajar bertamadun iaitu berpengetahuan luas, berkemahiran tinggi dan bersikap, berakhlak serta bersahsia terpuji.

**Kata kunci:** Etika/Tatacara berpakaian, Rupa diri, Personaliti, Adab, Peradaban

## **ABSTRACT**

*The word “tamaddun” derives from the Arabic word “maddana” (develop) which broadly includes human ethics, moral and religious practices. Hence, civil life means living full of good manner, practicing norms, etiquettes and high moral values. In educational context, the issue of dress code, personality and ethics has be highlighted but it remains unsolved positively. It seems that there is no concrete actions from relevant*

---

\* Corresponding author.

**Rujuk artikel ini sebagai:** Mohamad Hilmi Mat Said, Hasan Ahmad, Mansor Sulaiman, & Rashidi Abbas. (2017). Kajian keprihatinan ahli akademik terhadap tatacara berpakaian, sahsiah dan rupa diri pelajar Universiti Malaysia Pahang. *International Journal of Humanities Technology and Civilization*, 2(1), 91-98. Retrieved from <http://journals.ump.edu.my/index.php/ijhtc/issue/view/17>

*authorities to tackle this issue and to provide long term solution to eliminate it. As such, a focal study on personality and ethics was conducted on students from various faculty in Universiti Malaysia Pahang. This study employs internet medium of survey (SurveyMonkey) attempting to assess the lecturers commitment to monitor ethical practices among students from students perspectives. There are six variables of the ethical practices studied among others-student card (matric card) display, lecturers commitment to spend time overseeing students dress code in the class, taking action against those latecomers and absentees, and the trust in the attendance signatures. The finding from the study shows that commitment from lecturers as well as students towards upholding good manner and towering personalities were not encouraging. This particular issue alarming hence to be taken into account seriously. More efforts to be introduced to cultivate good personalities among students within civilizational context.*

**Keywords:** Dress code, Self-Appearance, Personality, Manner, Civilization

## PENDAHULUAN

Tujuan peraturan adalah untuk menjadi panduan dan mengawal kelakuan serta tindakan individu supaya sesuatu komuniti wujud dalam keadaan yang sejahtera, aman, dan teratur. Secara umumnya, kita telah mengetahui kejayaan seseorang bermula daripada sikap peribadi sahsiah diri yang dimilikinya. Justeru, untuk memiliki sikap yang baik dan disiplin diri yang mantap merupakan tonggak utama kejayaan pelajar (Johari, & Sutinah, 2010). Pelaksanaan peraturan di sesebuah institusi kepada para pelajar adalah salah satu cara melahirkan pelajar yang berjaya. Peraturan juga bermaksud segala yang ditetapkan dan harus diturut atau dipatuhi, (Kamus Dewan edisi keempat, 2010).

Kajian ini berhasrat untuk melihat sejauhmana keprihatinan ahli akademik dalam memastikan sahsiah diri pelajar di IPT berada di tahap terbaik. Ini penting agar kecemerlangan akademik sentiasa perlu diiringi dengan kecemerlangan akhlak terpuji sebagaimana antara tujuan Rasulullah saw dibangkitkan adalah untuk menyempurnakan akhlak terpuji. Ini sebagaimana hadis Rasulullah saw yang diriwayatkan oleh Bukhari dalam kitab *Mukhtasar Maqasid* bermaksud :

(إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ مَكَارِمَ الْأَخْلَاقِ)

Terjemahannya:

*Sesungguhnya aku (Muhammad) diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia.*

(al-Bukhari, Kitab al-Adab al-Mufrad, No. 273)

Sebaik mana pun akademik tanpa akhlak terpuji ia sebenarnya tiada nilai disisi agama berdasarkan kisah dalam hadis melalui kitab *al-Tarhib wa al-Tarhib* berhubung seorang perempuan yang menyakiti jirannya dengan kata-kata kesat walaupun beliau seorang yang baik amalannya. Maka kajian ini dilakukan untuk melihat sejauhmana pensyarah di IPT memainkan peranan mereka sebagai murabbi atau pendidik atau hanya sebagai tenaga pengajar semata-mata tiada berkaitan untuk menegur pelajar disebabkan untuk menyelesaikan silibus yang diamanahkan (Masuriyati, 2015).

## OBJEKTIF KAJIAN

Secara umumnya, tujuan kajian ini dijalankan ialah untuk mengkaji kepekaan pensyarah terhadap pelajar tentang etika pemakaian, sahsiah diri dan tatatertib yang merangkumi peraturan di Universiti Malaysia Pahang secara keseluruhannya. Kita boleh melihat tahap kepekaan pensyarah terhadap pelajar-pelajarnya dan tanggungjawab seorang pelajar untuk mematuhi peraturan sesebuah institusi. Objektif bagi kajian ini dilakukan adalah seperti berikut:

- i. Meneliti tentang kepekaan pensyarah terhadap pelajar dalam aspek etika pemakaian, sahsiah diri dan tatatertib sewaktu ke kelas.
- ii. Mengkaji akan tindakan yang akan dikenakan sekiranya pelajar tidak menghadiri kelas atau lewat menghadiri kelas.
- iii. Menganalisis tingkahlaku pelajar ketika sesi pembelajaran bermula.

## SOALAN KAJIAN

Soalan-soalan kajian yang disediakan bagi tujuan kaji selidik adalah seperti di bawah:

- i. Adakah pensyarah menegur jika pelajar tidak memakai kad pelajar (kad matrik)?
- ii. Adakah pensyarah memberi penerangan tentang etika berpakaian untuk menghadiri kelas?
- iii. Adakah pensyarah mengenakan tindakan jika pelajar tidak mematuhi etika berpakaian?
- iv. Adakah pensyarah bertanya sekiranya pelajar tidak menghadiri kelas tanpa alasan?
- v. Adakah pelajar dikenakan tindakan sekiranya lewat hadir ke kelas?
- vi. Adakah pelajar pernah menanda kehadiran untuk rakannya yang tidak hadir ke kelas?
- vii. Adakah pensyarah menegur sekiranya pelajar berbual ketika sesi pembelajaran?
- viii. Adakah pensyarah melarang pergaulan bebas antara berlainan jantina?

## METODOLOGI KAJIAN

### Sampel kajian


Dalam kajian ini, kami memilih pelajar-pelajar dari Universiti Malaysia Pahang (Gambang dan Pekan) sebagai sampel kajian. Kajian ini telah dijalankan pada bulan April 2016 dimana kami menggunakan aplikasi internet iaitu “*SurveyMonkey*”. Seramai 100 orang pelajar yang terdiri daripada 42 orang pelajar lelaki dan 58 orang pelajar perempuan yang dipilih sebagai responden. Responden kebanyakannya dari tahun Satu. Semua responden terdiri daripada pelbagai fakulti iaitu FKKSA, FKASA, FIM, FKM, FSKKP, FTek, FIST, FKP, dan FKEE. Dengan 100 orang responden yang telah menjawab kaji selidik ini dan diharapkan mewakili keseluruhan populasi di Universiti Malaysia Pahang.

### Alatan kajian

Untuk mengumpulkan data, dua kaedah digunakan iaitu kaedah kaji selidik dan kaedah pemerhatian. Kami telah memilih kaedah kaji selidik melalui aplikasi “*SurveyMonkey*” bagi menjimatkan masa. Kami mendapat maklumbalas daripada 100 orang responden dalam tempoh lebih kurang seminggu sahaja. Kami menyediakan 8 soalan untuk melakukan kaji selidik. Responden hanya boleh menanda SATU jawapan bagi setiap soalan.

## DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

### Teguran Pensyarah terhadap Pemakaian Kad Pelajar (Kad Matrik)




**Rajah 1.** Teguran Pensyarah terhadap Pemakaian Kad Pelajar (Kad Matrik)

Rajah 1 menunjukkan kekerapan pensyarah menegur pelajar-pelajar sekiranya mereka tidak memakai kad pelajar (Kad Matrik) ketika menghadiri kuliah. 58.95%, iaitu 56 orang pelajar menyatakan bahawa

pensyarah tidak pernah menegur mereka yang tidak memakai kad matrik. Hanya 1.05% (seorang) pelajar menyatakan sangat kerap menegur mereka yang tidak memakai kad matrik. Kesimpulannya, pelajar tidak mempraktikkan untuk memakai kad matrik sewaktu ke kelas kerana tidak ditegur oleh pensyarah dan seolah-olah tiada keperluan untuk mereka membawa kad tersebut.


### Etika Pakaian di Kampus



**Rajah 2.** Penerangan tentang Etika Berpakaian bagi Kehadiran ke Kuliah

Rajah 2 menunjukkan peratusan sekiranya pensyarah memberi penerangan cara berpakaian untuk menghadiri kelas di dalam waktu kuliah. Majoriti sebanyak 44.21% (42 orang) menyatakan bahawa pensyarah jarang-jarang memberi penerangan tentang cara berpakaian ke kelas. 3.16% (3 orang) daripada pelajar menyatakan bahawa pensyarah mereka sangat kerap dalam memberi penerangan tentang cara berpakaian ke kelas. Kesimpulannya, kebanyakan pelajar berpakaian bebas kerana kurang diberi pendedahan tentang etika berpakaian.

### Tindakan terhadap Pelajar terhadap Pematuhan Etika Berpakaian Pelajar




**Rajah 3.** Tindakan Pensyarah terhadap Pematuhan Etika Berpakaian Pelajar

Rajah 3 menunjukkan kekerapan pensyarah mengenakan tindakan jika pelajar tidak mematuhi etika berpakaian. Pensyarah sangat jarang-jarang mengenakan tindakan kepada pelajar yang ingkar dengan etika pemakaian. Bilangan pelajar menyatakan jarang-jarang ialah 31 orang pelajar (31.31%). Tiga orang pelajar (3.03%) sahaja menyatakan pensyarah sangat kerap mengenakan tindakan kepada pelajar yang sewenang-wenangnya memakai pakaian yang tidak mengikut etika pemakaian.

Kesimpulannya, pensyarah perlu mengambil tindakan sekiranya pelajar mereka tidak mengikuti cara berpakaian yang telah ditetapkan oleh pihak universiti.


### Keperihatinan Pensyarah tentang Kehadiran Pelajar



**Rajah 4.** Keperihatinan Pensyarah terhadap Ketidakhadiran Kuliah Tanpa Alasan

Rajah 4 menunjukkan kekerapan pensyarah bertanya pelajar sekiranya mereka tidak menghadiri kelas tanpa sebarang alasan yang dikemukakan. Seramai 36.08% (35 orang) pelajar menyatakan bahawa pensyarah mereka jarang-jarang bertanya tentang ketidakhadiran mereka ke kelas biarpun tanpa alasan. Manakala 7.22% (7 orang) pelajar pula menyatakan bahawa pensyarah mereka tidak pernah bertanya tentang ketidakhadiran mereka. Kesimpulannya, kebanyakan pensyarah telah memberi penekanan terhadap isu ini namun hal ini terjadi kerana ketika pembelajaran atau kelas waktu pagi.

### Tindakan dan Hukuman terhadap Kelewatan Hadir Kuliah




**Rajah 5.** Tindakan dan Hukuman terhadap Kelewatan Hadir Kuliah (melebihi 15 minit)

Rajah 5 menunjukkan peratusan kekerapan pelajar sekiranya mereka dikenakan tindakan jika hadir lewat ke kelas. Seramai 34 orang pelajar (35.42%) menyatakan jarang-jarang sebagai pilihan

majoriti mereka sekiranya mereka dikenakan tindakan jika hadir lewat ke kelas. Hanya sebilangan pelajar sahaja iaitu seramai 5 orang (5.21%) yang mengatakan bahawa pensyarah mereka sangat kerap mengenakan tindakan. Kesimpulannya, pensyarah perlu lebih kerap mengenakan tindakan kepada pelajar yang sering hadir lewat ke kelas supaya mereka tidak mengulanginya.


### Tindakan Menanda Kehadiran bagi Ketidakhadiran Rakan Sekuliah



**Rajah 6.** Kekerapan Pelajar Menanda Kehadiran bagi Ketidakhadiran Rakan Sekuliah

Rajah 6 memaparkan peratusan kekerapan pelajar menanda kehadiran bagi rakan sekuliah mereka yang tidak hadir ke kelas. Seramai 57 orang pelajar (57.14%) mengatakan bahawa mereka tidak pernah menanda kehadiran bagi rakan mereka yang tidak hadir ke kelas. Manakala terdapat 2 orang pelajar (2.04%) yang kerap menanda kehadiran bagi rakan mereka yang tidak menghadiri kelas. Kesimpulannya, pelajar perlu bersikap jujur kerana hal ini bukan sahaja merugikan rakan mereka malah diri mereka sendiri.


### Teguran Pensyarah dalam Bilik dan Dewan Kuliah



**Rajah 7.** Tindakan Menegur oleh Pensyarah Terhadap Pelajar yang Berbual semasa Sesi Pengajaran dan Pembelajaran

Rajah 7 memaparkan kekerapan pensyarah menegur sekiranya pelajar berbual ketika sesi pembelajaran berlangsung di dalam bilik kuliah. Majoriti 38.38% iaitu 38 orang pelajar menyatakan pensyarah mereka jarang-jarang menegur jika mereka berbual semasa sesi pembelajaran. Walaubagaimanapun, terdapat 4.04% (4 orang) pelajar mengatakan bahawa pensyarah mereka tidak pernah menegur perbuatan mereka. Kesimpulannya, pensyarah perlu menegur pelajar mereka yang sering berbual semasa sesi pembelajaran kerana hal ini akan mengganggu pelajar lain untuk menumpukan perhatian di dalam bilik dan dewan kuliah.

### Tindakan Pensyarah Menegur dan Melarang Perbuatan Mungkar



**Rajah 8.** Larangan Pergaulan Bebas di antara Berlainan Jantina

Rajah 8 menunjukkan kekerapan pensyarah melarang pergaulan antara berlainan jantina di dalam kelas. Majoriti seramai 46 orang, iaitu 46.94% mengatakan bahawa pensyarah mereka tidak pernah melarang pergaulan antara berlainan jantina di dalam kelas. Minoriti seramai 3 orang, iaitu 3.06% mengatakan pensyarah mereka sangat kerap melarang pergaulan bebas seperti ini. Kesimpulannya, pensyarah perlu melarang pergaulan bebas sekiranya timbul syak wasangka terutama bagi pelajar Muslim.

### PENUTUP

Hasil kajian ini telah mendedahkan sebab-sebab pelajar endah tak endah akan peraturan di sesebuah institusi dan segelintir pelajar sahaja yang mematuhi peraturan yang ditetapkan. Kami mengetahui bahawa segelintir pensyarah sahaja mengambil berat terhadap pelajar mereka dari segi pemakaian, sahsiah diri dan tata tertib. Selain itu, kebanyakan pelajar hanya mengambil mudah atau dengan kata lainnya, memandang remeh tentang peraturan yang ditetapkan kerana mereka tidak dikenakan tindakan yang sewajarnya dan tiada yang menegur kesalahan mereka. Hal ini dapat disimpulkan bahawa pelajar itu kurang berdisiplin.

Dalam hal ini kedisiplinan dapat mengarahkan seseorang untuk menyesuaikan diri terutama dalam mematuhi peraturan dan tata tertib telah ditetapkan. Sikap disiplin wajib dimiliki bagi setiap orang, terutama untuk seorang pelajar yang bergelar mahasiswa atau mahasiswi. Disiplin yang dimiliki oleh siswa akan membantu siswa itu sendiri dalam tingkah laku sehari-hari, baik di sekolah mahupun di rumah seterusnya menjaga imej institusi tersebut. Pensyarah juga mesti mengambil berat akan etika

pemakaian, sahsiah diri dan tingkahlaku pelajar sewaktu ke kelas. Mereka harus diberikan tindakan yang sewajarnya supaya mendapat pengajaran dari kesalahan yang telah dilakukan dari aspek-aspek tersebut bertepatan dengan kehendak syarak (Fathi Yakan, 2016). Hal ini haruslah dibendung supaya tidak menjadi ikutan terhadap generasi yang bakal bergelar siswazah.

Melalui dapatan dari kajian ini, kami membuat kesimpulan bahawa tindakan/hukuman kurang dikenakan ke atas pelajar yang telah melanggar peraturan. Jadi pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung perlu berusaha mencari kaedah yang berkesan untuk mengubah keadaan ini sebelum menjadi lebih kronik. Begitu juga dengan pelajar itu sendiri mereka sepatutnya menjadikan contoh yang baik dalam masyarakat.

## RUJUKAN

- Boulanour, A. W. (2006). The notion of modesty in Muslim women's clothing: An islamic point of view. *New Zealand Journal of Asian Studies*, 8(2), 134–156.
- Fathi Yakan.(2016). *Apa ertinya saya menganut Islam*, Dewan Pusaka Fajar. Kuala Lumpur.
- Greeley, J.-A. (1999). Clothing. In S. Young (Ed.), *Encyclopedia of women and world weligion* (pp. 181-184). USA: Macmillan Reference
- Kamus Dewan ed. keempat. (2010). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Masuriyati Yahya, C. Z. S. (2015). Sistem pendidikan negara abad ke 21 Brunei Darussalam dalam melestari ketamadunan Islam negara zikr: Cabaran dan harapan. *Afkar*, 16, 61–92.
- Johari Hassan, & Sutinah A. Safar. (2010). Pembinaan kecemerlangan diri pimpinan pelajar menerusi penglibatan dalam aktiviti kokurikulum di Universiti Teknologi Malaysia, Skudai. 1-8. (Unpublished). Retrieved from [http://eprints.utm.my/10788/1/Pembinaan\\_Kecemerlangan\\_Diri\\_Pimpinan\\_Pelajar\\_Menerusi\\_Penglibatan\\_Dalam\\_Aktiviti\\_Kokurikulum\\_Di\\_Universiti\\_Teknologi\\_Malaysia.pdf](http://eprints.utm.my/10788/1/Pembinaan_Kecemerlangan_Diri_Pimpinan_Pelajar_Menerusi_Penglibatan_Dalam_Aktiviti_Kokurikulum_Di_Universiti_Teknologi_Malaysia.pdf)
- Zakaria, I. (2012). Islam dan falsafahnya dalam kebudayaan. *Jurnal Hadhari*, 91-108.